

Ahmad Arif balik Pulau, Pulau Pinang bertanya:

Siapakah yang dikatakan menyebabkan yang boleh menerima zakat?

Jawab: Yang boleh menerima zakat sebagai yang ditentukan oleh al-Qurān terbahagi kepada delapan bahagian. Iaitu orang fakir, orang miskin, orang yang bekerja kerana memungut zakat (āmil), orang yang baharu masuk ke dalam agama Islām atau yang cenderung hendak masuk agama Islām (mu'allaf), hamba yang hendak memerdekakan dirinya, orang yang berhutang, untuk keperluan pada jalan Allāh (fī sabīl Allāh), orang yang musafir (yang keputusan).

Jadi berdasar kepada delapan inilah ulama menetapkan pembahagiannya. Daripada pembahagian itu ternyata ada disebut bahagian orang-orang yang miskin. Tentang mengertikan siapa dia orang-orang miskin itu ulama itu membahagikannya kepada tiga peringkat:

Pihak yang pertama menentukan bahawa orang

yang kaya itu ialah

orang yang mempunyai satu nasab (satu nasab itu bermaksud satu kadar atau bahagian wang yang wajib zakat atasnya) dan seorang miskin itu ialah orang yang tidak mempunyai satu nasab yakni orang yang tidak diwajibkan mengeluarkan zakat hartanya dengan kerana tidak cukup nasabnya. Pendapat ini, mereka beri alas an kepada perkataan Rasūlullāh (SAW) pada ketika mengutus Saydinā Mu'āz ke Yaman dengan bersabda (maksudnya): Sedekah (zakat) itu diambil dari orang-orang yang kaya dan diberikan kepada orang yang miskin. (Sahih, riwayat Bukhāri dan Muslim).

Dalam hadis ini terang dan nyata dinyatakan bahawa zakat

itu diambil daripada orang kaya dan diberikan kepada orang miskin. Sudah tentu dinamakan kaya itu mereka yang mempunyai sekurang-kurangnya satu nasab dan yang miskin itu mempunyai kurang dari satu nasab.

Adapun pendapat yang kedua menentukan orang kaya itu mempunyai 50 dirham. Mereka sandarkan pendapatnya kepada hadis Rasūl Allāh (SAW) maksudnya:

“Barangsiapa meminta-minta pada hal ia ada mempunyai kemampuan maka pada hari kiamat nanti ia menghadap dengan keadaan mukanya tercakar”. (Pada masa itu)

Sahabat bertanya: Ya Rasūlullāh apa batas kekayaannya?

“Rasūlullāh menjawab: “Lima puluh dirham atau

sebanyak itu daripada

emas”. (Hadis riwayat

Ahmad).

Dalam hadith ini nyata

orang yang disebut kaya

itu ialah orang yang

mempunyai 50 dirham (barangkali tukarannya harus di dalam antara 20 dan 30 ringgit).

Pendapat yang ketiga pula adalah mengatakan orang yang kaya itu ialah orang yang mencukupi bagi keperluannya sehari semalam. Pendapat meeka ini, mereka beralasan dengan sabda Rasūlullāh (SAW) (maksudnya): Barangsiapa meminta-minta pada hal ada padanya (makanan) yang cukup baginya maka sesungguhnya ia hendak mengumpulkan bara api neraka”. Sahabat bertanya: “Ya Rasūlullāh apakah (makanan) yang cukup untuk dia itu?” Rasūlullāh menjawab: “Iaitu (makanan) yang mencukupi baginya untuk pagi dan petang”. (Sahih riwayat Abū Dāud).

Di sini bermakna bahawa yang kaya itu ialah orang yang



(khas bagi Majalah Qalam - tidak dibenarkan dikutip)

mempunyai cukup makan untk sehari semalam. Inilah tiga pendapat ulama tentang menentukan yang kaya dan yang miskin. Orang yang kaya itu ialah orang yang cukup makanannya bagi seharu semalam dan pada pendapat kita bersetuju dengan yang demikian dengan beralasan kepada beberapa sebab:

1. Hadis yang pertama tadi tidak menerangkan sifat dan batas orang miskin. ia hanya dibatas dengan fikiran dan pendapat ulama sahaja.

2. Dalam pendapat yang kedua pula dinyatakan yang kaya itu mempunyai 50 dirham. Hadis ini kurang kuat dan oleh yang demikian tidak dapat dijadikan alasan.

3. Pendapat ini lebih kita cenderung kepadanya yakni yang dikatakan kaya yang cukup makanannya sehari semalam kerana kita memerhatikan pula pada hadis-hadis yang lain yang boleh dikaitkan dengan alasan itu seperti hadis yang maksud di bawah ini:

“Meminta-minta itu tidak dihalalkan kecuali bagi tiga golongan, (1) yang sangat fakir, (2) Orang yang terpaksa menayar hutang, (3) Orang yang mesti bayar didfa' (diyah) (hadis sahih riwayat Ahmad dan Abū Dāūd) dengan keterangan-keterangan ini zahir bahawa zakat itu diutamakan kepada orang yang sangat miskin yakni orang yang tidak mempunyai makan cukup bagi sehari semalam.

* * *

'Amad bin Ṭayyib, Careoff, Pejabat Daerah Tangkak, Muar bertanya: Apakah hukumnya di dalam agama Islam seorang lelaki memakai (A) Cincin emas atau gigi emas, (B) Berpakaian serba sutera: Dan sah (memakai air wangi) pada waktu sembahyang?

Jawab: Sekalian ulama Islam semua pakat menghalalkan perempuan-perempuan memakai emas dan berkenaan lelaki ada ikhtilafnya. Rasūl Allāh (ṣ) bersabda (maksudnya): “Dihalalkan emas dan sutera bagi perempuan-perempuan dari umatku dan

diharamkan atas lelaki-lelakinya” (Hadis riwayat Ahmad).

Ada lagi keterangan beberapa hadis yang diriwayatkan oleh Bukhāri dan Muslim yang menegah memakai sutera dan minum minuman di dalam bijan emas atau perak dan menjadikan kedua-duanya tempat makanan. Hadis-hadis itu terang dan jelas tegahannya dan ada pula satu hadis yang dipegang oleh ulama untuk mengharamkan memakai cincin kerana berdalil dengan riwayat yang maksudnya al-Birā'a Bin 'Āzib telah dilarang oleh Nabi (ṣ) memaloi cincin emas. (Sahih riwayat Bukhāri).

Diriwayatkan lagi (maksudnya): 'Abū Hurayrah telah berkata sesungguhnya Nabi (ṣ) telah melarang (kita) memakai cincin daripada emas.

Satu riwayat lagi (maksudnya) telah berkata 'Abd Allāh Bin 'Umar Rasūlullāh (ṣ) pernah memakai cincin daripada emas kemudian ia buang akan dia dan dia berkata “Aku tidak akan memakai dia lagi selama-lamanya”. Oleh kerana itu maka sahabat-sahabat membuang pula akan cincin mereka. (Sahih Riwayat Bukhāri).

Dengan hadis-hadis yang disebutkan itu nyata bahawa Nabi (ṣ) melarang kita memakai cincin emas tetapi larangan-larangan syarak itu terkadang-kadang menunjukkan kepada haram dan terkadang-kadang pula menunjukkan kepada makruh. Oleh yang demikian ada sebahagian ulama berkata bahawa memakai cincin emas itu Cuma makruh sahaja (tidak berdosa). Pendapat ini beralasan kepada emas itu satu perhiasan yang telah dihalalkan oleh Allāh dalam firmanNya yang maksudnya: “Katakanlah siapakah yang (berani) mengharamkan perhiasan (dari) Allāh yang ia adakan untuk hamba-hambanya dan begitu pula makanan yang baik? Katakanlah: Bahawa (perhiasan) itu diuntukkan bagi mereka yang beriman di dunia ini dan tertentu bagi mereka sahaja pada hari kiamat” al-'A'rāf 32.

Maksudnya bahawa perhiasan yang Allāh adakan itu tidak

dapat sesiapa yang mengharamkannya terkecuali Allāh dan Rasūlnya dengan keterangan yang kuat dan betul. Adapun tentang memakai cincin dan sutera tidak tegas menunjukkan kepada haram kerana pada hadis-hadis itu hanya disebut nabi melarang, sedang perkara yang dihukumkan makruh juga boleh disebutkan larangan.

Salah satu daripada tanda-tanda menunjukkan larangan itu hanya kepada makruh, al-Bara' Bin 'Azib yang meriwayatkan hadis memakai cincin emas itu sendiri telah memakai cincin emas seperti yang telah dinyatakan oleh Abi Shaybah dan ada pula beberapa sahabat yang memakai cincin emas.

Sekiranya larangan-larangan itu menunjukkan kepada haram maka sudah tentu sahabat-sahabat Rasūl Allāh (s) tidak memakainya. Dan kalau ada yang memakai tentulah pula akan ditegur oleh yang lainnya.

Tentang haram cincin emas yang ada dalil yang melarang itu masih ada ulama memasukkan larangan itu kepada makruh bukan kepada haram.

Ringkasan menurut Qurān Surat al-'A'raf ayat 32 itu terang menunjukkan sekadar perhiasan bagi kita halal tetapi hadis-hadis yang tegas dan kuat itu hanya nyata mengharamkan kita memakai tempat air dan tempat makanan daripada emas dan perak. Hadis-hadis itu boleh dijadikan pengecualian bagi ayat al-Qurān yang tersebut. Berkenaan cincin emas sungguhpun ada larangan Nabi tetapi larangan itu dijadikan oleh ulama makruh jua. Sebab kerana hadis itu tidak tegas menyebutkan haram dan juga sahabat-sahabat yang menyiarkan hadis itu dan lain-lain sahabat ada memakai cincin emas.

Berkenaan dengan air wangi menurut al-Qurān dan al-Hadis

bahawa alkohol itu haram tentang meminumnya. Daripada al-Qurān dan daripada al-hadith atau daripada kata-kata sahabat tidak ada satu pun keterangan yang menunjukkan bahawa alkohol atau arak itu najis. Memang ada tersebut dalam karangan Kitab Fiqh Muta'akhkhirin yakni ulama sesudah tahun ketiga atau keempat ratus hijrah yang memandang arak itu najis. Kalau kena kain atau badan wajib dicuci. Dan ada pula dongeng daripada orang mazhab Hanafi bahawa tangan yang kena arak mesti dipotong. Semuanya itu hanya fikiran-fikiran orang yang menyangka bahawa fikirannya itu hukum agama.

Mereka boleh jadi juga menyangka bahawa tiap-tiap haram itu hukumnya najis. Tetapi kita hairan mengapa tidak dihukumkan racun itu najis sedang memakan racun dihukumkan haram?

Kiyai Hasan Bin Ahmad berpendapat dalam perkara ini begini: Arak itu haram diminum; kalau kita menggunakan tempat minuman atau tempat yang berbekas itu sama dengan minum dia. Beliau berpendapat tidak ada satu dalil agaman yang mengatakan kain baju atau badan kita kalau kena arak wajib dicuci. Lebih-lebih lagi tidak ada dalil yang mengatakan tidak sah sembahyang seseorang yang pakaiannya, badannya atau tempat sembahyang kena arak. Beliau meminta keterangan kalau ulama-ulama yang boleh memberi dalil dari Allāh dan Rasūlnya tentang menjelaskan itu.

Dengan ini boleh kita simpulkan bahawa dengan memakai air wangi yang sudah terang dibuat daripada alkohol di dalam sembahyang tidak najis.